**KENYATAAN MEDIA**
ZAIRULSHAHFUDDIN ZAINAL ABIDIN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ISLAMIC RELIEF MALAYSIA

Untuk Hebahan Segera 7 MAY 2019

---

# RAMADAN CARE4HUNGER RENTASI SEMPADAN DUNIA

---

**BANGI –** Islamic Relief Malaysia (IRM) melancarkan kempen Ramadan Care4hunger sekaligus bakal memberi manfaat kepada individu di 33 buah negara dari seluruh dunia.

Ketua Pegawai Eksekutif IRM, Zairulshahfuddin Zainal Abidin berkata, kempen Ramadan Care4Hunger yang menjadi program tahunan itu menyasarkan kutipan dana sebanyak RM800,000 bagi membantu golongan rentan untuk menempuhi bulan Ramadan di samping meningkatkan kesedaran orang awam terhadap isu kemanusiaan di peringkat global.

"Secara keseluruhan, Islamic Relief menganggarkan agihan pek makanan sebanyak 311,436 kotak pada tahun ini yang akan memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya 1.7 juta individu.

"Untuk kempen Ramadan Care4Hunger kali ini, IRM menyediakan pakej sumbangan bermula serendah RM150 dan RM300 yang bermula pada 8 Mac 2018 sehingga 4 Jun 2018," jelas Zairulshahfuddin.

Selain itu, negara-negara yang menerima bantuan pek makanan ini telah memenuhi kriteria-kriteria tertentu iaitu:-

1. Negara yang mempunyai jumlah penduduk yang tinggi dan mengalami ancaman nutrisi dan keselamatan makanan.
2. Negara yang menghadapi kemelesetan ekonomi dan jumlah penduduk yang hidup di bawah paras kemiskinan.
3. Negara yang mengalami krisis kemanusiaan secara berterusan.

Antara negara yang akan menerima sumbangan pek makanan ini adalah Palestin, Syria, Somalia, Sri Lanka, Yaman, Indonesia dan lain-lain.

## Pek Makanan Ramadan Care4Hunger

Agihan pek makanan Ramadan merupakan program bermusim yang dikelola oleh Islamic Relief dalam memberi bantuan makanan asas kepada penerima manfaat dari pelbagai negara untuk bekalan sepanjang bulan Ramadan. Ia meliputi makanan asas seperti beras, tepung, jagung, pasta, bijirin, kekacang, daging dalam tin, minyak masak, gula, uncang teh, dan

kurma. Pek makanan tersebut akan mengikuti keperluan asas negara masing-masing. Di Malaysia, IRM menyasarkan agihan sebanyak 7,387 pek makanan Ramadan di seluruh negara manakala 8,789 pek makanan di lebih 30 buah negara.

| **Tahun** | **Agihan Tempatan** | | **Agihan Antarabangsa** | |
|---|---|---|---|---|
| | **Jumlah Pek Makanan** | **Jumlah Penerima Manfaat** | **Jumlah Pek Makanan (Melalui IRM)** | **Jumlah Pek Makanan (Melalui seluruh IR)** |
| 2014 | 10,100 | 50,500 | 4,350 | 214,155 |
| 2015 | 8,040 | 40,200 | 5,270 | 188,834 |
| 2016 | 6,043 | 23,115 | 5,270 | 188,834 |
| 2017 | 5,631 | 27,371 | 2,905 | 240,669 |
| 2018 | 6,000 | 30,000 | 3,540 | 299,163 |
| 2019 | 7,387 | 36,935 | 8,789 | 311,436 |

*Jumlah bantuan pek makanan IRM (2014 – 2019)*

**Kerjasama IRM - Bangi Resort Hotel**

Sejak tahun 2007, Islamic Relief Malaysia (IRM) telah bekerjasama dengan Bangi Resort Hotel (BRH) yang sebelum ini dikenali sebagai Bangi Putrajaya Hotel menerusi pelbagai program antaranya *booth* pameran dan bufet ramadan, edaran bubur lambuk, penajaan jamuan raya, agihan makanan untuk gelandangan, Majlis Iftar Saham Akhirat (MISA) dan pelbagai lagi.

Tahun ini, sekali lagi IRM meneruskan kerjasama bersama BRH menerusi program Cahaya Ramadan Buffet yang diadakan di Funtasia sepanjang bulan Ramadan. Setiap RM3.50 daripada harga makan dewasa akan disumbangkan kepada IRM untuk projek-projek kemanusiaan dan sasaran tahun ini ialah sebanyak RM25,000. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada aktiviti tanggungjawab sosial korporat tahunan pihak hotel.

Selain itu, pengunjung yang hadir juga berpeluang untuk bertemu dan beramah mesra dengan Ikon Kemanusiaan IRM, Elfaeza Ul Haq dan kumpulan Saujana serta maskot Omar & Hana pada 17 Mei 2019 dan Irma Hasmie pada 24 Mei 2019 menerusi sesi 'Meet & Greet'.

**Mengenai Islamic Relief (IR)**

Islamic Relief (IR) adalah sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang bebas. IR beribu pejabat di United Kingdom dan ditubuhkan pada tahun 1984. IR telah berkhidmat di lebih dari 45 buah negara, membantu lebih daripada 120 juta orang. IR juga mempunyai rangkaian tetap di lebih 30 buah negara merangkumi 100 buah cawangan di seluruh dunia. Skop bantuan IR merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepadu, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah merasmikan penubuhan Islamic Relief Malaysia (IRM) pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan IR di rantau Asia-Pasifik. Kini, IRM berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek (antarabangsa & tempatan)

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan IRM, sila layari laman web rasmi IRM iaitu atau hubungi IRM di talian tetap 03-8926 3434.

Bagi mereka yang ingin membuat sumbangan, salurkan sumbangan anda ke nombor-nombor akaun berikut atas nama Islamic Relief Malaysia :

**MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704**

**CIMB ISLAMIC | 860 2073818**

**BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3**

**AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4**

**BANK RAKYAT | 11080 10000 35**

**BANK MBSB | 1005 0251 0000 0166**

atau melalui :

**CHARITY SHOPPE | TUNAI / KAD KREDIT**

Zairulshahfuddin Zainal Abidin,

Ketua Pegawai Eksekutif
Islamic Relief Malaysia

- Tamat-

---

**Dikeluarkan oleh,**
**Islamic Relief Malaysia (IRM)-Reg No: 657354-W**
**A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,**
**Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor**
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Unit Media**
di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau
emel: Malaysia.Media@islamic-relief.org.my
Aduan atau maklum balas: feedback.irmalaysia@islamic-relief.org.my/
Whatsapp: +60196379788